

Penulisan moden di Malaysia bermula apabila Abdullah Munsyi memetakan pengembaraannya dari Singapura ke Pantai Timur dalam *Hikayat Abdullah*. Jika sebelum itu geografi pemikiran kita diatur dan digariskan sempadan-sempadannya oleh golongan istana, maka Abdullah Munsyi memindahkan kuasa kepengarangan itu ke tangan seorang rakyat. Kita bermula kembali daripada kosong. Kini, kita yang menggariskan sempadan dan kita yang memetakan geografi pemikiran pembaca.

Peta Sastera Malaysia

Jika kita boleh membayangkan sastera Malaysia sebagai lembaran peta yang dibuka dan dimulakan oleh Abdullah Munsyi, bagaimanakah warna dan rupa peta itu sekarang? Puisi ialah roh bahasa; maka kita boleh menggambarkan puisi sebagai lautan dan sungai yang mengalir melalui hutan, gunung, sawah, kampung, dan kota pada peta kesuasasteraan negara kita.

Cerita bermula sebagai percakapan di tengah-tengah masyarakat. Cerita dan kisah lahir dari bibir seorang pencerita kepada ahli keluarganya, kemudian cerita dan kisah berkelana dan berpindah ke seluruh kampung, lantas dari sebuah kampung cerita itu berkongsi ruang dan berkembang menjadi sebuah kota. Setiap pengarang di negara ini yang mempunyai bakat untuk menurunkan kata-kata di atas kertas, pasti menanam keinginan untuk menjadi ahli kartografi kepada sasteranya. Tidak semua yang akan berjaya, malah sebahagian besar daripada pengarang kita hanya mampu berpuas hati dengan sumbangan namanya sendiri pada peta itu.

Sebilangan kecil sahaja yang dapat menjadi ahli kartografi terulung dan meninggalkan bekas tapak kepada generasi yang seterusnya. Di atas

peta, kalau hendak diukur dari segi keluasan tanah, SN Usman Awang antara pemilik sempadan ruang yang paling kaya. Puisinya ada di atas rumput yang kita pijak dan ada di dalam air sungai yang kita minum. Tanah Usman Awang sangatlah keramat kepada pengarang Malaysia sehingga ada yang sanggup makan mentah begitu sahaja semata-mata hendak mendapatkan berkat kepenyairannya. Namun begitu, bolehkah seseorang itu hidup di tanah Usman Awang? Barangkali tidak kerana sebahagian besar daripada tanah Usman tidak lagi segar: rumputnya layu, pokoknya kering, dan warna tanahnya hitam, seakan-akan kawasan perkuburan. Runtuhan bangunan kota Melaka berada di mana-mana. Berhati-hatilah apabila anda berjalan di atas tanah Usman Awang, kerana kalau salah langkah, anda akan terpijak batu nisan emak seseorang.

Naik ke utara, garisan peta ini akan membawa kita ke kawasan hutan yang rimbun dan berbukit-bukit, ibarat sebuah kubu pertahanan. Suara monolog lelaki tua bersipongang di merata penjuru hutan sehingga unggas dan serangga pun lari bersembunyi apabila mendengarnya. Hutan ini hanya ada seorang raja dan namanya ialah SN Shahnon Ahmad. Berkali-kali hutan ini cuba dibakar oleh mereka yang cemburu dengan kuasa pemerintahan Shahnon Ahmad dan pengaruhnya terhadap penulisan novel di Malaysia. Akan tetapi, hutan ini tetap teguh berdiri. Ada orang kata, setiap kali hutan ini cuba dibakar, Azizi Haji Abdullah akan berlari turun dari bukit dan segera memadamkannya. Mungkin orang itu bukan Azizi sebenarnya, tetapi politikus gila yang meninggalkan kota dan datang untuk bertapa dan bertaubat di puncak agung Bukit Srengenge.

Ada satu kawasan di atas peta sastera Malaysia yang mengumpulkan

pulau-pulau kecil dengan rumah api masing-masing. Pada setiap malam, penyair dari setiap pulau akan naik ke rumah api dan membacakan puisi mereka sambil menyuluh cahaya ke tengah laut. Moechtar Awang menar naga matahari. J. M. Aziz mencari nelayan yang sesat dibawa lari oleh Puteri Saadong. Marsli N.O mencari bayang-bayang T. Alias Taib. Sesiapa yang melintas kawasan ini dari tepi pantai akan perasan terdapat sorot cahaya bersilang-silang, seperti dari sebuah kelab disko. Si Tenggara juga pernah melintas dengan bahteranya; namun disebabkan semua penyair ribut dengan urusan rumah api, maka Si Tenggara mengucapkan selamat tinggal dan belayar pulang ke istananya deng tenang dan bahagia.

Terdapat pula sebuah kota di atas peta sastera Malaysia yang sangat padat penduduknya, malah sangat rapat binaan dan pola susunan rumah-rumahnya. Sekilas pandang, kita alah kata, pelan kota ini berantakan dan tidak sistematis. Semua jenis orang dan semua jenis bangunan disumbat masuk selagi ada lubang yang boleh disumbat. Akibatnya, kehidupan di kota ini lebat mirip pada kehidupan dalam sarkas: Samad Ismail ialah wali tidak bertauli di kota ini dan Hamzah Hussin ialah orang kanannya. Seperti seorang penghisap paip di pejabat, menyelak buku akaun, sementara Hamzah yang terpaksa turun ke jalanan bersama-sama dengan samseng-samsengnya untuk menghalau anak-anak SN Keris Mas yang membuat kekoch di hadapan Bangunan Parlimen. Namun begitu, orang yang paling berpengaruh di kota ini bukanlah A. Samad Ismail mahupun Hamzah Hussin. Semenjak lima tahun lalu, kerusi pemerintahan kota ini telah ditawan dan diambil alih oleh



Oleh WAN NOR AZRIZ

Pintu bilik dikunci dan selembur peta dibukakan di atas meja. Jika anda diberikan peluang untuk bercuti di Republik Ogonshoto, ke manakah anda akan pergi? Kalau mengikut novel *Sasterawan Negara* (SN) Anwar Ridhwan, *Naratif Ogonshoto*, Republik Ogonshoto terdiri daripada tiga pulau utama: Gora, Rai-Rapa, dan Futu-Ata. Usaha untuk mencari pulau yang selamat dan aman agak susah juga, kerana ketiga-tiga pulau itu mempunyai gunung berapi. Itu pun belum diambil kira bencana tsunami dan para pemimpin korup di Tatamanu.

Membaca ialah pakej pelancongan yang membahayakan. Charles Marlow, watak terkenal ciptaan Joseph Conrad, pasti faham situasi ini setiap kali dia membaca sebuah peta. Namun begitu, hal ini tidak pernah menghalangnya daripada mengembara ke Afrika, "Waktu saya masih budak, saya sangat minat dengan peta. Berjam-jam saya akan menatap Amerika Selatan, atau Afrika, atau Australia, dan saya pun tenggelam dalam angan-angan pengembaraan. Zaman itu masih ada banyak ruang kosong di muka bumi."

Semenjak kejadian pertamanya, manusia dicampak di atas sebuah dunia asing dan misteri. Ibarat memulakan sebuah novel daripada kosong, manusia mencipta simbol, bahasa dan mitos untuk berfikir dan mencari penjelasan pada hubungannya kejadiannya dengan dunia ini. Kemudian kehidupan menjadi bertambah rumit dan imaginasi manusia terpaksa

bekerja lebih keras. Maka, penulis mula membayangkan dan memetakan cerita di alam ajaib, termasuk buku Lewis Carroll, *Alice's Adventures in Wonderland*, buku H. G. Wells, *The Island of Doctor Moreau*, buku Italo Calvino, *Invisible Cities*, atau buku J. R. R. Tolkien, *The Lord of the Rings*. Pemetaan cerita tidak terbatas kepada karya imaginatif. Pemetaan cerita juga boleh berlaku pada karya yang dekat dengan kehidupan harian, seperti cara SN Shahnon Ahmad memetakan Banggul Sedap atau SN Othman Kelantan memetakan Kota Bharu.

Pengarang sebagai Ahli Kartografi

Konsep pemetaan ini diperkenalkan oleh Peter Turchi dalam bukunya *Maps of the Imagination: The Writer as Cartographer* (2004). Bagi Turchi, semua karya ialah peta dan semua penulis ialah jurupeta yang menyusun bahasa dan naratifnya menjadi rangka cerita yang jelas. Turchi membahagikan penulisan kepada dua bahagian. Pertama ialah "penerokaan"; pada fasa ini, penulis membuat catatan di kertas lalu merancang jalan ceritanya. Kedua ialah "persembahan"; sebuah cerita yang dirancang akhirnya harus ditulis dan dalam penulisan itu, pengarang harus membimbing pembaca dalam pengembaraannya.

Menurut Turchi, "Kita bermula dengan lembaran kosong." Kenyataan ini bukan sahaja merujuk pemetaan sesebuah buku, tetapi juga pemetaan sesebuah tradisi sastera.

Arts & Literature - General
Pg: 9 - 13

ctr. no = 0000 275074
ART 2016/A03

PULAU RAI-RAPA


- Ture**
- Pelancong boleh menggunakan bot laju di Tatamanu untuk merentas Selat Morauka, kemudian masuk ke Selat Gareva, malah pada hari tertentu, ikan paus biru akan muncul di perairan ini.
 - Terdapat bangunan lama tinggalan tentera laut Jepun.
 - Restoran makanan lautnya mempunyai pemandangan terbaik gunung berapi di pulau ini.

- Runakita**
- Kota ini dikatakan "sering melahirkan penentang-penentang Presiden".
 - Hutannya liar dan menjadi tempat kegemaran pemburu rusa, namun anda harus mendapat surat izin terlebih dahulu, dan berhati-hatilah apabila memburu di sini kerana pemburu yang asyik dengan buruan akan "lupa siang, lupa malam, lupa makan, lupa minum".

PULAU FUTU-ATA

- Kuri**
- Sebuah kampung nelayan yang terpisah jauh daripada kehidupan dan politik di Gora-Gora.
 - Nelayan Kuri terkenal sebagai kaki botol sehingga mereka dikatakan "hanya dapat mengenal jenis ikan ketika mabuk".
 - Pelabur luar semakin ramai datang ke Kuri untuk membina padang golf dan hotel.

- Aitu**
- Asalnya hanya sebuah perkampungan kecil yang "cepat tidur dan lewat bangun".
 - Pada setiap bulan Julai, penduduk Aitu akan merayakan pesta menangkap ikan secara beramai-ramai.



golongan penulis muda. Operasi mereka dijalankan secara senyap di meja kafe, tandas pusat hiburan keluarga, dan bilik-bilik rahsia di bawah tanah. Ketua mereka ialah Sufian Abas. Kita tidak tahu, apakah agenda dan perjuangan sebenar mereka - jika mereka memang mempunyai perjuangan - golongan muda berkasut biru Rubina ini, tetapi merekalah yang akan menggariskan sempadan-semipadan sastera Malaysia pada masa hadapan.

Republik Ogonshoto


Bagi setiap generasi, pasti akan ada seorang ahli kartografi yang menjadi nakhoda kepada semua orang. Dia mungkin kelihatan asing kerana bahasa percakapannya pun asing, seolah-olah dia telah pulang dari negeri yang jauh. Pada peta sastera Malaysia, Anwar Ridhwan bukan sahaja sebuah pulau, beliau turut telah menciptakan sebuah pulau untuk kita.

Kalau hendak dibandingkan dengan kepulauan imaginasi lain, seperti benua fantasi Earthsea ciptaan Ursula K. Le Guin atau sempadan neutral daripada peperangan The Dream Archipelago ciptaan Christopher Priest, Ogonshoto ialah pulau yang mesra pelancong. Cuacanya tidak terlalu panas, airnya hijau, pantainya cantik, dan gunung berapi Gora-Gora sentiasa berdiri megah pada waktu malam, seolah-olah "sedang meminjam cahaya bulan." Ogonshoto lebih mirip umpama Bali walaupun tanah kepulauan itu asalnya ditemui dan diasaskan oleh bangsa Jepun. Destinasi pelancongan anda di Ogonshoto akan bergantung pada apa yang anda cari, dan melalui setiap cerpennya, Anwar memperincikan pola, deskripsi fizikal, tempat menarik, dan premis kehidupan seharian pada beberapa bahagian di kepulauan itu:

PULAU GORA-GORA

- Tatamanu**
- Pusat pentadbiran kerajaan.
 - Istana Presiden bertapak di sini.
 - Berhampiran Teluk Pinavana yang kaya dengan ikan.
- Tubua**
- Sebuah pekan pelabuhan.
 - Terkenal dengan sake Gora-Gora dan telaga air panas.
 - Tempat paling dekat bagi pelancong yang ingin melihat gunung berapi Gora-Gora.
 - Tidak lama lagi, pusat perjudian akan dibangunkan di sini, itu pun jikalau Presiden boleh mendamaikan kemarahan penduduk tempatan.
- Malagana**
- Pusat perancangan pelancong dan kawasan pembangunan industri perhotelan.
 - Pantainya cantik dan berhampiran dengan Tanjung Takatea yang "berubah warna menjadi kuning keemasan pada musim ikan-ikan bertelur".
 - Sesiapa yang ingin mencari hiburan liar bolehlah berkunjung ke pusat pelacuran yang dimiliki oleh orang Eropah.

Republic of Ogonshoto



Sempadan Fiksiyen

Sebuah peta lebih banyak menyembunyikan cerita daripada menyampaikan cerita. Misalnya, apabila kita membaca *Naratif Ogonshoto* dan melihat peta yang Anwar sediakan, hal itu masih akan membuat kita tertanyanya; "Apakah fesyen baju remaja di Tatamanu?"; "Apakah perbezaan masakan orang pulau Gora-Gora dan orang pulau Futu-Ata?"; "Muzik jenis apakah yang didengar oleh orang di kepulauan ini?"; dan "Siapakah wanita paling cantik di Gora-Gora?" Soalan demi soalan yang Anwar sendiri mungkin tidak terfikir atau mampu untuk jawab kepada kita.

Jorge Luis Borges pernah menulis sebuah cerita berjudul "*Del rigor en la ciencia*" ("Berkenaan Ketepatan Ilmu Sains") pada tahun 1946 yang patut berada di meja mana-mana penulis yang ingin menjadi ahli kartografi:

Terdapat sebuah empayar di mana penguasaan ilmu kartografinya sangat sempurna sehingga peta sebuah daerah adalah sebesar sebuah bandar, dan peta empayar itu sendiri adalah seluas sebuah daerah. Lama-kelamaan, peta sebegini mula mendapat permintaan, maka Kolej Ahli Kartografi menghasilkan peta empayar yang mempunyai ukuran dan keluasan sama dengan empayar itu sendiri dari titik ke titik dan dari hujung ke hujung dan dari penjuru ke penjuru.

Keinginan untuk menghasilkan peta yang sempurna secara saintifik merupakan suatu ukuran yang sama

dengan keinginan untuk menghasilkan novel yang sempurna dalam perakaman kehidupan harian seorang watak. Namun begitu, pekerjaan sebegini tidak akan dan boleh berlaku, kerana sebuah novel bukanlah pusat pembuangan barang terpakai. Novel bukanlah ruang tempat mengumpul fakta dan maklumat secara pukal. Seorang novelis akhirnya harus mentafsir, memilih, menyusun, dan menyampaikan sesebuah cerita kepada pembacanya. Dia harus membenarkan sempadan fiksiyen untuk menjadi luas dengan sendirinya, dan bukan melalui perancangan yang terlalu terperinci dan idealistik.

Mencari Kota Shangri-La

Di atas peta sastera Malaysia, Ogonshoto boleh dikatakan sebuah tempat paling jauh bagi seorang ahli kartografi tempatan pernah lakarkan. Selepas ini, kita ingin melihat halaman peta ini ditambah, dan akan muncul ahli kartografi lain untuk mengembangkan garis-garis sempadannya. Kita tidak mungkin boleh kembali ke Bangguls Derdap. Bahtera sudah lama mengangkat sauh dan Ogonshoto hanya tempat persinggahan sementara.

Sastera Malaysia mesti belayar lebih jauh dari kepulauan itu, sehingga kita boleh sampai ke kaki pergunungan Kota Shangri-La.

Buat masa ini, peta sastera kita masih belum menjadi sebahagian daripada peta dunia. Di Asia Tenggara sahaja, setiap kepulauan karyanya terpisah-pisah oleh lautan bahasa

milik bangsa yang masing-masing. Malaysia, Singapura dan Indonesia mungkin masih boleh berbicara dan saling mempengaruhi. Namun, apakah yang sedang berlaku di Myanmar? Di Kemboja? Di Vietnam? Kebelakangan ini, kita melihat, ada usaha oleh sekumpulan peminat sastera untuk menerbitkan jurnal berbahasa Inggeris (*Rambutan Literary*, antaranya) bagi mewakili suara sastera di Asia Tenggara. Dalam pemerhatian ini, jelas, kesetiaan pada bahasa ibunda tidak patut menjadi penghalang kerana terjemahan tidak akan menjejaskan kualiti sebuah karya yang bagus.

Shangri-La sebenarnya merupakan sebuah kota pertapaan di puncak pergunungan Tibet. Tidak ada ahli kartografi yang pernah melakarkan laluan ke tempat misteri dan suci ini. Shangri-La seakan-akan suatu mimpi setiap pengembara untuk melangkah sejauh mungkin daripada tanah asal yang dia dilahirkan. Kalau dia berjaya, dia akan menemui ketenangan; kalau dia gagal sekalipun, sekurang-kurangnya, dia telah cuba untuk membawa garis tradisi sasteranya sejauh yang mungkin. Biarlah generasi selepas ini yang menjadi hakim kepada peta yang dia tinggalkan di atas meja.

RUJUKAN

- Anwar Ridhwan. 2006. *Naratif Ogonshoto*. Kuala Lumpur: Arsalia.
- Manuel, Alberto dan Guadalupi, Gianni. 1999. *Newly Updated and Expanded: The Dictionary of Imaginary Places*. New York: Hancock Inc.
- Turchi, Peter. 2004. *Maps of the Imagination: The Writer as Cartographer*. Texas: Trinity University Press.

